

# Generasi baru perlu corakkan semula hala tuju peneroka

1000 6 JUL 2002  
KLUANG 5 Julai – Tanggapan negatif terhadap kehidupan masyarakat peneroka di rancangan tanah Felda di negara ini tidak akan berubah jika generasi yang lahir melaluinya tidak tampil untuk mencorak semula hala tuju masa depan golongan mereka sendiri.

Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) Malaysia, Tan Sri Rozali Ismail berkata, pelbagai tohmahan dan dakwaan mengenai masalah sosial, keciciran dalam pendidikan dan golongan termiskin terutama apabila harga komoditi jatuh, terdedah dengan meluasnya.

“Golongan peneroka digambarkan seolah-olah sebagai contoh generasi terburuk negara,” katanya kepada para pemberita selepas majlis penyerahan bantuan kepada ibu tunggal rancangan tanah Felda negeri Johor di Kluang, semalam.

Bagaimanapun tegas Rozali yang juga Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd., sebenarnya apa yang berlaku di tanah rancangan Felda adalah sebaliknya.

Menurut beliau, setelah 45 tahun rancangan tanah Felda wujud, lebih 60 peratus anak peneroka atau generasi kedua Felda berjaya mencapai kecemerlangan dalam pendidikan tinggi dan keusahawanan.

“Tetapi kebanyakan daripada mereka yang berjaya ini masih ragu-ragu dan malu untuk tampil ke depan mengaku sebagai anak peneroka,” jelasnya.

Sambil menegaskan pembangunan ran-

cangan tanah Felda di negara ini adalah yang terbaik di dunia, Rozali berkata:

“Usaha keras kerajaan untuk membangunkan rakyat khususnya orang Melayu itu akan sia-sia jika masyarakat Felda sendiri gagal memanfaatkan kemudahan yang tersedia.”

Menurut beliau, sebanyak 304 rancangan tanah Felda yang menempatkan tidak kurang daripada 114,000 buah keluarga di seluruh negara sejak 1956 adalah usaha tersusun kerajaan untuk menaikkan taraf hidup masyarakat.

Bagi membela nasib para peneroka, beliau berkata, usaha dilakukan untuk menggabungkan dua pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili masyarakat Felda iaitu Majlis Belia Felda dan Yayasan Pembangunan Generasi Felda Malaysia di bawah GWGF.

GWGF yang akan dilancarkan penubuhannya secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 10 Ogos depan bertanggungjawab untuk mengubah persepsi negatif terhadap masyarakat peneroka.

“Sebagai generasi kedua Felda, saya dan rakan-rakan terpanggil untuk mencorak hala tuju baru bagi masa depan generasi ketiga dan keempat Felda akan datang,”katanya.